

Projek rintis kelas hibrid percepat perkongsian ilmu, kemahiran

Oleh Zanariah Abd Mutalib - Ogos 21, 2022 @ 11:59am
zanariah_mutalib@bh.com.my



Projek rintis kelas hibrid diharap dapat memberikan manfaat kepada guru serta murid dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Projek rintis kelas hibrid yang dijangka dilaksanakan November depan, diharap akan mempercepat perkongsian ilmu dan kemahiran, sekali gus mendedahkan murid untuk menggunakan aplikasi pembelajaran digital.

Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (iGuru), Mohd Azizee Hasan, berkata langkah oleh Kementerian Pendidikan (KPM) itu sejajar dengan perkembangan semasa di peringkat global, terutama pada era pembelajaran digital dan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

"iGuru menyambut baik projek ini dan berharap ia dapat memberikan manfaat kepada guru serta murid dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dan pada masa sama, melonjakkan kecemerlangan pendidikan negara.

"Projek ini juga diharap akan meningkatkan pengetahuan murid dan kreativiti serta inovasi guru, selain perkongsian pintar pengajaran dan pembelajaran (PdP) antara sekolah, sekali gus merapatkan jurang pendidikan dan digital," katanya kepada BH, hari ini.

Semalam, Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, berkata KPM akan melaksanakan projek rintis membabitkan 550 kelas hibrid di 110 sekolah terpilih di seluruh negara bermula November depan, sebagai sebahagian pelan transformasi KPM bagi memperkasa pendidikan digital negara.

Bagi tujuan itu katanya, bagi setiap lima bilik darjah di sekolah terbabit, sambungan internet akan ditingkatkan untuk pelaksanaan PdP secara hibrid, membolehkan guru mengajar dalam bilik darjah dan pada masa sama, murid boleh terbabit dalam proses itu dengan aktif menerusi penggunaan komputer riba dan skrin pintar di dalam kelas.

Bagi memastikan projek itu dapat dilaksanakan dengan berkesan, Mohd Azizee, berkata KPM perlu meningkatkan kemudahan akses internet dan kelajuan jalur lebar dengan teknologi 5G.

"Peruntukan kewangan yang besar perlu disediakan terutama bagi penyediaan peralatan pembelajaran seperti TV pintar, skrin layar dan alat peranti, manakala latihan intensif perlu diberikan kepada guru dalam menggunakan teknologi pembelajaran secara digital.

"Selain itu, platform pendidikan seperti 'DELIMa' ('Digital Educational Learning Initiative Malaysia) dan Google Education Learning perlu dimanfaatkan, selain menyediakan kelas yang kondusif serta interaktif, mengambil kira bilangan murid yang bersesuaian untuk sesi pengajaran," katanya.

Mohd Azizee berkata, pihaknya turut berharap projek berkenaan dapat diperluas ke sekolah lain, dengan mengutamakan sekolah di luar bandar," katanya.